



18 JUL, 2025

Sindiket bitcoin curi elektrik punca negara rugi RM4.8b



Berita Harian, Malaysia

Sindiket bitcoin curi elektrik punca negara rugi RM4.8b



Akmal Nasrullah menunjukkan mesin lombong bitcoin dalam operasi khas membanteras kecurian elektrik di sekitar Alor Setar, semalam.
(Foto Wan Nabil Nasir/BH)

Alor Setar: Negara mengalami kerugian mencecah RM4.8 billion sejak 2018, akibat kecurian elektrik oleh sindiket perlombongan bitcoin haram yang semakin berani dan berleluasa.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Akmal Nasrullah Mohd Nasir berkata statistik menunjukkan kerugian itu semakin meningkat sejajar dengan lonjakan nilai bitcoin di pasaran.

Katanya, kegiatan itu mula menurun sedikit sekitar 2022 hingga 2023, namun berlaku lonjakan semula pada 2024 dan dijangka terus meningkat tahun ini.

"Harga bitcoin kini mencecah RM500,000 seunit dan ini memberi galakan kepada perlombongan haram. Melihat kepada angka ini, kita perlu lipat gandakan usaha dan penguatkuasaan ke-

rana kegiatan ini tidak menunjukkan tanda-tanda akan berhenti, malah semakin berani dan berleluasa.

"Sepanjang 2023 hingga 2024 sahaja, kita merekodkan 2,399 kes. Bagi tahun ini dari Januari hingga Jun, sudah terdapat kira-kira 1,800 kes," katanya selepas menyertai operasi khas membanteras perlombongan bitcoin haram di tujuh premis sekitar Alor Setar, semalam.

Operasi itu turut membabitkan pegawai Suruhanjaya Tenaga dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan polis.

Akmal berkata, antara premis diserbu termasuk sebuah lokasi yang sudah beberapa kali dikenakan tindakan, namun kembali beroperasi seperti biasa.

"Premis kedua ini sudah diserbu sembilan kali oleh Suruhanjaya Tenaga dan TNB. Ka-

li terakhir Mei lalu dan hari ini ia kembali beroperasi," katanya.

Mengulas lanjut, Akmal berkata, sikap perlombongan bitcoin haram yang tidak gentar dengan tindakan penguasa kuasa membuktikan bahawa undang-undang sedia ada perlu disokong dengan tindakan lebih tegas dan menyeluruh.

"Mereka tidak hanya menanggung risiko kewangan apabila mesin dirampas, tetapi juga berdepan risiko besar seperti kebakaran serta membahayakan keselamatan awam."

"Kita dapat ada premis yang terletak di atas bangunan memepatkan klinik dan kedai di tingkat bawah. Bayangkan sekiranya berlaku litar pintas atau kebakaran, ia sangat berbahaya kepada orang ramai," katanya.